

## **Impak Pelaburan dan Perbelanjaan Kerajaan terhadap Pertumbuhan Ekonomi: Kajian Kes Negeri Sabah dan Sarawak**

Fauzi Bin Hussin\*

*Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia*

Ku'Adzam Tuan Lonik

*Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia*

\*Corresponding author; email: fauzi@uum.edu.my

### **ABSTRAK**

*Tujuan kajian ini adalah untuk menentukan hubungan jangka panjang bagi pelaburan langsung asing (FDI), pelaburan domestik (DI), serta perbelanjaan kerajaan terhadap pertumbuhan ekonomi bagi negeri Sabah dan Sarawak. Prosedur ko-integrasi ujian sempadan atau autoregrasi lat tertabur (ARDL) digunakan untuk menentukan kewujudan hubungan jangka panjang antara pembolehubah kajian. Hasil kajian menunjukkan wujud hubungan jangka panjang yang sah antara pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar. Anggaran koefisien jangka panjang menunjukkan hanya pembolehubah perbelanjaan pembangunan kerajaan sahaja mempunyai hubungan positif dan signifikan terhadap pertumbuhan ekonomi. Sebaliknya, FDI dan DI pula menunjukkan hubungan positif tetapi tak signifikan terhadap pertumbuhan ekonomi negeri Sabah dan Sarawak.*

***Katakunci:** pertumbuhan ekonomi, pelaburan domestik, pelaburan langsung asing, kointegrasi*

## **The Impact of Investment and Government Expenditure on Economic Growth: Case Study of Sabah and Sarawak**

### **ABSTRACT**

*This study aims at identifying the long-run relationship between foreign direct investment (FDI), domestic investment (DI), and government expenditure towards the economic growth of Sabah and Sarawak. Cointegration unit border test or auto regression dispersed lag (ARDL) was used to ensure the existence of a long-run relationship between the various variables. The study findings showed a clear long-run relationship between the independent and the dependent variables. The estimated long-run coefficient showed that only the government development expenditure variable has a positive and significant relationship towards economic growth. Conversely, FDI and DI showed positive but not significant relationship towards the economic growth of Sabah and Sarawak.*

***Keywords:** economic growth, domestic investment, foreign direct investment, cointegration*

### **PENGENALAN**

Sebahagian kajian empirikal terdahulu tentang pertumbuhan ekonomi lebih memfokus kepada perbandingan pertumbuhan ekonomi antara negeri-negeri atau wilayah-wilayah (Fu, 2004; Lin dan Song, 2002). Kajian empirikal ini dijalankan adalah untuk membandingkan pertumbuhan ekonomi negeri Sabah dan Sarawak iaitu dua buah negeri yang diletakkan dalam kumpulan negeri-negeri kurang maju berdasarkan Indeks Komposit Pembangunan (IKP). Pada tahun 2005, negeri Sabah menjadi negeri terendah (ke-14) daripada segi Indeks Komposit Pembangunan, manakala negeri Sarawak pula

menduduki tempat ke-11 (Rancangan Malaysia Kesembilan). Negeri-negeri lain yang dikategorikan sebagai negeri kurang maju pula ialah negeri Terengganu, Pahang, Kedah, Kelantan dan Perlis.

Corak pembangunan yang menekankan negeri-negeri pantai barat semasa pemerintahan British telah meninggalkan kesan sehingga ke hari ini. Negeri-negeri di bahagian pantai timur seperti Kelantan, Terengganu dan Pahang, manakala Kedah dan Perlis di utara semenanjung Malaysia masih lagi merupakan negeri-negeri termundur. (Zairon Othman, 1996). Kemunduran negeri-negeri atau wilayah-wilayah juga boleh berpunca daripada ketidakseimbangan pembangunan yang telah dijalankan sama ada oleh kerajaan ataupun swasta di wilayah-wilayah ini (Chamhuri Siwar & Surtahman Kastin Hasan, 2005). Masalah ketidakseimbangan pendapatan antara wilayah boleh juga disebabkan oleh ketidakseimbangan dalam struktur ekonomi. Boleh dikatakan seolah-olah terdapatnya hubungan positif antara tahap industrialisasi di sesebuah wilayah dengan tahap pendapatannya (Hasnah Ali, 1989).

Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan sejak selepas merdeka sehingga sekarang dalam usaha meningkatkan pertumbuhan ekonomi yang berterusan dan lebih seimbang antara negeri-negeri. Dalam menjayakan hasrat itu, terdapat pelbagai dasar yang telah dan sedang dijalankan oleh kerajaan termasuk pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) (1971-1990), Dasar Pembangunan Nasional (1991-2000) dan Dasar Wawasan Negara (DWN) (2001-2010) dalam usaha ke arah pertumbuhan ekonomi yang berterusan dan pembangunan seimbang antara wilayah. Matlamat utama di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) ialah mengurangkan jurang antara wilayah, iaitu jurang antara kawasan luar bandar dengan bandar, dan jurang antara wilayah kurang membangun dengan yang lebih membangun. Untuk mencapai matlamat tersebut, kerajaan melaksanakan koridor ekonomi seperti Koridor Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), Koridor Ekonomi Wilayah Utara (NCER), Iskandar Malaysia (Johor), Koridor Pembaharuan Tenaga Sarawak (SCORE) dan Koridor Pembangunan Sabah (SDC) yang dijangka akan memberi kesan secara langsung terhadap pertumbuhan ekonomi di negeri-negeri yang terlibat.

Keperluan terhadap modal adalah penting dalam usaha kerajaan mencapai pertumbuhan ekonomi negara secara berterusan. Pelan Induk Perindustrian yang dilaksanakan pada tahun 1985 merupakan *blueprint* kepada pembangunan perindustrian negara. Sebagai kesannya, kemasukan pelaburan langsung asing (FDI) telah meningkat dengan begitu cepat khususnya dalam pengeluaran yang berteknologi tinggi oleh syarikat-syarikat multinasional (MNCs). Pada tahun 2006 jumlah FDI di Malaysia ialah kira-kira RM20.2 bilion iaitu meningkat sebanyak 13 peratus berbanding tahun 2005 yang berjumlah RM17.9 bilion. Pelaburan domestik (DI) pula berjumlah kira-kira RM25.8 bilion berbanding RM13.1 bilion pada tahun 2005. Peningkatan yang besar dalam jumlah pelaburan domestik menunjukkan pertambahan pelabur tempatan dalam sektor pembuatan.

Tren FDI dan DI di Malaysia adalah berbeza sepanjang tahun 1980 hingga 2005. Kebanyakan FDI lebih tertumpu di beberapa negeri lebih maju seperti Selangor, Johor dan Pulau Pinang kerana sektor perkilangan atau pembuatan lebih tertumpu di negeri-negeri ini. Walau bagaimanapun, negeri Kedah dikategorikan di dalam kumpulan negeri-negeri kurang maju tetapi negeri ini adalah salah sebuah negeri yang menerima kemasukan FDI tertinggi, malah lebih tinggi berbanding beberapa negeri lebih maju. Tren pelaburan domestik pula agak berbeza berbanding FDI. Tumpuan DI di negeri-negeri kurang maju ialah di negeri Sarawak, Terengganu dan Sabah.

Menurut laporan Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Keenam jurang antara negeri-negeri yang mempunyai KDNK per kapita tertinggi dan terendah amat besar. Strategi pembangunan wilayah di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB) adalah untuk mengurangkan jurang ekonomi antara wilayah-wilayah dan antara negeri-negeri, khususnya bagi mengurangkan jurang perbezaan pendapatan antara negeri-negeri berpendapatan rendah dan yang berpendapatan tinggi. Pelbagai program dijalankan untuk membolehkan

penggunaan sepenuhnya sumber tenaga manusia dan fizikal, taburan industri serta usaha-usaha memperluas dan memperbaiki rangkaian pengangkutan dan perhubungan (Rancangan Malaysia Keempat). Kadar pertumbuhan tahunan KDNK di kalangan negeri-negeri berpendapatan rendah dijangka terus meningkat hasil daripada peningkatan daya pengeluaran dan pendapatan dalam sektor pertanian serta pertumbuhan kegiatan-kegiatan dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan. Dalam masa yang sama, pertumbuhan ekonomi bagi negeri-negeri maju akan terus meningkat berpunca terutamanya daripada pertambahan industri yang berteknologi tinggi, penumpuan kepada perkhidmatan dan kemudahan awam, serta perdagangan. Sektor pembuatan di Malaysia menunjukkan pertumbuhan output yang cepat, terutama dalam tempoh antara tahun 1972 hingga 1990.

Di antara tahun 1987 hingga 1995, sektor pembuatan tumbuh dengan kadar purata tahunan sebanyak 14.5 peratus, dengan bahagian sektor pembuatan dalam KDNK meningkat daripada 20 peratus kepada lebih 33 peratus. Dalam tempoh tersebut, lebih 50 peratus daripada pertumbuhan KDNK disumbangkan secara langsung daripada sektor pembuatan (Ariff, 1991). Pada tahun 2005, sektor pembuatan menyumbang 31.4 peratus kepada KDNK negara berbanding subsektor perkhidmatan perniagaan dan bukan kerajaan yang menyumbang 50.5 peratus. Walau bagaimanapun, negeri Sarawak hanya menyumbang kira-kira 6.0 peratus daripada output kasar industri pembuatan (GVO) dalam tempoh antara tahun 1999 – 2004 berbanding negeri Selangor yang menyumbang sebanyak kira-kira 28 peratus. Dalam tempoh yang sama, negeri Sabah menjadi penyumbang lebih kecil dalam output kasar industri pembuatan iaitu kira-kira 3.4 peratus sahaja daripada nilai output kasar industri pembuatan.

### **Pertumbuhan KDNK Negeri Sarawak dan Sabah**

Sumbangan besar KDNK bagi negeri Sarawak adalah daripada sektor perlombongan dan sektor perhutanan. Misalnya dalam tempoh antara Januari hingga Disember, nilai output kasar (f.o.b) bagi gas asli cecair untuk dieksport meningkat daripada RM9.89 juta (36 % daripada nilai eksport) pada tahun 2002 kepada RM13.36 juta (39%) pada tahun 2003. Nilai eksport petroleum mentah meningkat daripada RM6.14 juta kepada RM8.33 juta dalam tempoh yang sama. Dalam sektor perhutanan, eksport minyak sawit dan hasil keluaran minyak sawit meningkat daripada RM1.07 juta kepada RM1.48 juta, manakala eksport papan lapis biasa meningkat daripada RM2.51 juta kepada RM2.77 juta dalam tempoh tersebut. Eksport balak bergergaji pula meningkat daripada RM1.65 juta kepada RM1.71 juta dalam tempoh yang sama.

Jumlah nilai output kasar eksport negeri Sarawak meningkat daripada RM15.66 juta pada tahun 1995 kepada RM27.41 juta pada tahun 2002 dan RM34.32 juta pada tahun 2003 (Sarawak: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri, 2003). Pada tahun 1995, Sarawak menyumbang kira-kira 8.5 peratus kepada nilai eksport Malaysia yang berjumlah RM184.99 juta. Dalam tempoh antara Januari hingga Disember 1999, nilai output kasar (f.o.b) bagi eksport negara bagi minyak kelapa sawit dan hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit berjumlah kira-kira RM19.5 juta atau 6.1%, manakala petroleum mentah pula kira-kira RM9.31 juta (Malaysia: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri, 2000).

**Jadual 1**  
**Sumbangan sektor ekonomi terhadap KDNK Negeri Sarawak (RM juta)**

Tahun	KDNK nominal	Pertanian & ternakan	Perhutanan & pembalakan	Perlombongan & kuari	Pembuatan	Perdagangan borong & runcit
2001	28,005	1,054 (3.8)	2,167 (7.7)	10,212 (36.5)	4,934 (17.6)	2,199 (7.9)
2002	30,308	1,503 (5.0)	2,668 (8.8)	10,105 (33.3)	5,408 (17.8)	2,317 (7.6)
2003	35,083	2,082 (5.9)	2,642 (7.5)	12,486 (35.6)	6,477 (18.5)	2,481 (7.1)
2004	43,794	2,345 (5.4)	2,989 (6.8)	19,123 (43.7)	7,061 (16.1)	2,747 (6.3)
2005	51,840	2,326 (4.5)	2,734 (5.3)	26,254 (50.6)	7,712 (14.9)	2,923 (5.6)

*Sumber:* Buku Tahunan Perangkaan Sarawak, 2006. Nilai dalam [ ] menunjukkan peratus sumbangan.

Jadual 1 di atas menunjukkan sektor pertama yang terdiri daripada pertanian, perhutanan & kuari; perlombongan & kuari menjadi penyumbang terpenting kepada KDNK negeri Sarawak antara tahun 2001 hingga 2005. Sumbangan sektor pertama kepada KDNK negeri Sarawak meningkat daripada kira-kira 48 peratus pada tahun 2001 kepada kira-kira 60.5 peratus pada tahun 2005. Sektor perlombongan & kuari menjadi penyumbang terbesar berbanding sektor lain. Sumbangan sektor ini kepada KDNK negeri Sarawak meningkat daripada RM10.2 bilion atau 36.5 peratus pada tahun 2001 kepada kira-kira RM26.3 bilion pada tahun 2005. Sektor pembuatan menjadi penyumbang kedua terpenting kepada KDNK negeri Sarawak iaitu kira-kira 18 peratus setahun antara tahun 2001 hingga 2004.

Eksport utama negeri Sarawak pada tahun 2004 ialah petroleum mentah (25.9%), gas asli cecair (39.5%), balak dan kayu bergergaji (6.1%), papan lapis biasa (5.6%), dan minyak kelapa sawit (3.5%) (Buku Tahunan Perangkaan Sarawak, 2005).

**Jadual 2**  
**Sumbangan sektor ekonomi terhadap KDNK Negeri Sabah (RM juta)**

Tahun	KDNK nominal	Pertanian & Ternakan	Kewangan & insurans	Perlombongan & kuari	Pembuatan	Perdagangan borong & runcit
2001	17,115	2,892 (16.9)	1,108 (6.5)	3,147 (18.4)	1,858 (10.9)	1,931 (11.3)
2002	20,570	4,784 (23.3)	1,194 (5.8)	3,165 (15.4)	2,264 (11.0)	2,001 (9.7)
2003	23,450	6,242 (26.6)	1,254 (5.3)	3,881 (16.6)	2,701 (11.5)	2,101 (9.0)
2004 <sup>e</sup>	26,901	7,081 (26.3)	1,319 (4.9)	5,068 (18.8)	3,269 (12.2)	2,268 (8.4)
2005 <sup>p</sup>	28,471	7,039 (24.7)	1,416 (5.0)	5,530 (19.4)	3,506 (12.3)	2,458 (8.6)

*Sumber:* Buku Tahunan Perangkaan Sabah, 2006.

Nota: <sup>a</sup> termasuk hartanah dan perkhidmatan perniagaan

<sup>c</sup> anggaran (estimate)

<sup>p</sup> sementara (provisional)

Jadual 2 menunjukkan sumbangan sektor-sektor ekonomi kepada KDNK nominal negeri Sabah di antara tahun 2001 – 2005. Sektor pertanian dan ternakan menjadi penyumbang terbesar kepada KDNK negeri Sabah iaitu menyumbang kira-kira 17 hingga 25 peratus, diikuti oleh sektor perlombongan dan kuari yang menyumbang kira-kira 16 – 19 peratus setahun. Sektor pembuatan bukan menjadi penyumbang utama kepada KDNK nominal negeri Sabah iaitu hanya menyumbang kira-kira 11 peratus setahun.

**Jadual 3**  
**Purata KDNK nominal Negeri-negeri Kurang Maju**

Negeri	Purata KDNK nominal (RM juta)				
	1981 - 85	1986 - 90	1991 - 95	1996 - 00	2001 - 05
Kedah	3,311	4,286	7,685	13,016	17,140
Kelantan	1,870	2,432	4,223	6,585	9,593
Pahang	3,674	4,661	7,713	12,004	15,032
Perlis	518	630	1,176	1,829	2,263
Sabah	5,923	8,254	12,489	19,824	30,588
Sarawak	5,945	8,511	14,027	23,969	37,806
Terengganu	3,970	6,145	11,400	21,179	26,928

Sumber: Fauzi & Ku 'Adzam (2008)

Berdasarkan kepada Jadual 3, didapati purata tahunan KDNK nominal bagi negeri Sarawak dan Sabah adalah tertinggi berbanding negeri-negeri kurang maju yang lain. Ini diikuti dengan negeri Terengganu, Kedah dan Pahang. Negeri Perlis dan Kelantan pula menjadi penyumbang KDNK nominal terendah berbanding negeri lain. Misalnya, bagi tempoh 2001 – 2005 menunjukkan purata tahunan KDNK nominal bagi negeri Kelantan kira-kira 4 kali ganda lebih rendah, manakala purata tahunan KDNK nominal bagi negeri Perlis pula kira-kira 14 kali ganda lebih rendah berbanding Sarawak.

## SOROTAN LITERATUR

### Perbelanjaan Kerajaan

Teori ekonomi menunjukkan dua kesan berbeza daripada pertambahan perbelanjaan kerajaan, iaitu sama ada memberi faedah atau menjejaskan pertumbuhan ekonomi. Dalam makroekonomi Keynesian, perbelanjaan awam, khususnya perbelanjaan berulang memberi kesan positif kepada pertumbuhan ekonomi iaitu menerusi kesan pengganda bagi permintaan agregat. Sebaliknya penggunaan kerajaan boleh menyebabkan himpitan keluar (*crowding-out*) pelaburan swasta, mendorong kelembapan ekonomi dalam jangka pendek dan mengurangkan pengumpulan modal dalam jangka panjang. Tegasnya, himpitan keluar menjadi punca kepada defisit fiskal dan memberi kesan kepada kadar faedah (Diamond, 1990).

Menurut Senjur (1996) saiz perbelanjaan awam ditentukan oleh peranan kerajaan atau sektor awam di sesebuah negara. Perbelanjaan kerajaan memberi kesan terhadap pertumbuhan ekonomi dalam dua cara, di mana setiap satu daripadanya beroperasi dalam arah yang berlainan. Dari satu sudut, perbelanjaan kerajaan memberi faedah kepada pertumbuhan ekonomi, manakala dari sudut yang lain perbelanjaan kerajaan memberi kesan negatif terhadap pertumbuhan ekonomi. Proses untuk menentukan sama ada perbelanjaan kerajaan memberi kesan positif atau negatif terhadap pertumbuhan ekonomi bergantung kepada *trade-off* antara kedua-dua kesan tersebut.

Mahmoud Wahab (2004) menguji hubungan antara perbelanjaan kerajaan dan KDNK bagi negara-negara OECD antara tahun 1950 hingga 2000 telah mendapati hubungan jangka panjang antara perbelanjaan kerajaan dan KDNK sebenarnya wujud. Perbelanjaan kerajaan bertindakbalas secara tidak selari terhadap pertumbuhan ekonomi. Asasnya, bila ekonomi bertambah pada atau melebihi pertumbuhan normal (*trend-growth*), perbelanjaan kerajaan cenderung meningkat secara tidak anjal. Walau bagaimanapun, apabila pertumbuhan ekonomi perlahan atau di bawah pertumbuhan normal maka pertambahan dalam

perbelanjaan kerajaan menurun lebih rendah berbanding kadar pengurangan dalam pertumbuhan ekonomi.

Morley dan Perdikis (2000) mendapati wujud hubungan positif dan signifikan antara perbelanjaan kerajaan dan pertumbuhan ekonomi, tetapi berlaku hubungan negatif antara eksport dan pertumbuhan ekonomi. Lin (1994) mengkaji hubungan antara saiz kerajaan dan pertumbuhan ekonomi bagi 20 buah negara maju dan 42 buah negara membangun menunjukkan saiz kerajaan memberi kesan positif terhadap pertumbuhan ekonomi dalam jangka pendek, tetapi tidak memberi kesan dalam jangka panjang.

Sebaliknya, kajian oleh Arin (2003) mendapati perbelanjaan kerajaan mempunyai kesan negatif terhadap pertumbuhan ekonomi. Kenaikan cukai pendapatan memberi kesan yang signifikan terhadap penurunan kadar pertumbuhan. Folster dan Henrekson (2000) mendapati wujud hubungan negatif yang teguh antara perbelanjaan kerajaan dan pertumbuhan. Mereka menjalankan kajian ke atas negara-negara kaya antara tahun 1970 hingga 1995. Pekali pengangggar menjelaskan bahawa 10 peratus peningkatan dalam perbelanjaan kerajaan ditunjukkan oleh pengurangan antara 0.7 - 0.8 peratus dalam kadar pertumbuhan. Manakala Ghali (1997) yang mengkaji hubungan antara perbelanjaan kerajaan dan pertumbuhan ekonomi negara Arab Saudi antara tahun 1960-1996 mendapati tidak wujud bukti yang konsisten bahawa perubahan dalam perbelanjaan kerajaan boleh mengakibatkan pertumbuhan output per kapita benar.

### **Pelaburan**

Menurut Okposin, Abdul Halim Abdul Hamid, dan Boon (2003) banyak kajian teoritikal dan empirikal yang dijalankan oleh penyelidik terdahulu mendapati pelaburan langsung asing memberi kesan sama ada positif atau negatif terhadap pertumbuhan ekonomi. Secara amnya, terdapat dua pandangan yang bertentangan tentang kesan pelaburan langsung asing di mana-mana negara. Pandangan yang lebih liberal menghujahkan bahawa pelaburan langsung asing berfaedah ke atas output, taraf hidup, penggunaan tenaga buruh, pemindahan teknologi, pasaran luar, imbalan pembayaran, dan paling utama ialah pengalaman kepada pelabur tempatan. Pandangan sebaliknya menekankan kemungkinan pelaburan langsung asing lebih cenderung kepada giat modal dan membawa bersamanya masalah aliran keluar modal yang tinggi dalam bentuk bayaran dividen masa depan dan kiriman wang ke luar negara yang lain. Selain itu, pelaburan langsung asing menyebabkan himpitan keluar atau kemungkinan pengambilalihan tempat usahawan tempatan. Pada peringkat makro, aliran pelaburan langsung asing di negara-negara sedang membangun cenderung untuk menyebabkan himpitan masuk (*crowd in*) pelaburan lain. (UNCTAD, 1992).

Menurut Jomo dan Kiong (2001) kemasukan modal asing adalah penting untuk pertumbuhan ekonomi Malaysia bukan sahaja kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar tetapi juga kepada perubahan struktur ekonomi Malaysia iaitu daripada pengeluar sektor utama (primer) kepada perindustrian yang pesat. Pelaburan modal asing menjadi pelengkap kepada modal domestik bagi pelaburan kewangan dan seterusnya meningkatkan pendapatan negara. Mereka mendapati pelaburan kewangan dalam negeri adalah lebih produktif berbanding modal asing.

Pertumbuhan ekonomi yang kukuh, kestabilan makroekonomi dan politik, keupayaan melatih tenaga kerja, dan infrastruktur yang baik menjadi daya tarikan yang kuat kepada pelabur asing di Malaysia (Abu N.M. Wahid, 1997). Pelaburan asing menjadi komponen penting kepada proses industrialisasi di Malaysia. Pelaburan langsung asing dapat memberi faedah kepada imbalan pembayaran selain dapat menjana pekerjaan baru dan import teknologi (Drabble, 2000).

Menurut Fan dan Dickie (2000) sumbangan FDI terhadap pertumbuhan ekonomi adalah menerusi beberapa saluran. FDI memberi kesan secara langsung sebagai sumber pembentukan modal. Sebagai

sebahagian daripada pelaburan swasta, peningkatan FDI dengan sendirinya menyumbang kepada peningkatan dalam pelaburan dan secara langsung menyumbang kepada pertumbuhan. Kajian mereka menunjukkan bahawa FDI memberi sumbangan penting kepada pembangunan ekonomi ASEAN-5 dalam tempoh 1987-1997. FDI menjadi sumber utama pembentukan modal dan memainkan peranan yang signifikan dalam peningkatan pertumbuhan ekonomi.

Kalirajan (2004) mengkaji corak pertumbuhan ekonomi bagi 15 buah negeri utama di negara India serta nilai sumbangan negeri-negeri tersebut ke atas KDNK benar negara India. Kajian beliau menunjukkan bahawa corak pertumbuhan adalah berbeza-beza antara negeri-negeri tersebut. Hanya tujuh negeri menunjukkan peningkatan yang konsisten daripada segi pertumbuhan. Negeri yang berorientasikan perindustrian didapati tumbuh lebih cepat dan mampu menyerap lebih ramai tenaga buruh. Peningkatan dalam pelaburan dan pertumbuhan sektor kedua (*secondary sector*) mempunyai hubungan yang signifikan dengan kadar pertumbuhan KDNK negeri berkenaan.

Borensztein, Gregorio, dan Lee (1998) mengkaji kesan pelaburan langsung asing terhadap pertumbuhan ekonomi menggunakan data aliran masuk pelaburan langsung asing dari negara-negara perindustrian ke 69 negara sedang membangun. Keputusan kajian mereka mendapati pelaburan langsung asing adalah penting kepada pemindahan teknologi yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi lebih besar berbanding pelaburan domestik.

Walaupun kebanyakan penemuan kajian lepas mendapati kemasukan modal asing memberi impak positif terhadap pertumbuhan ekonomi tetapi terdapat juga hasil kajian yang menunjukkan aliran masuk modal asing memberi kesan negatif kepada negara penerima. Misalnya, Durham (2004) dalam kajian ke atas negara-negara OECD mendapati FDI dan pelaburan portfolio ekuiti asing (EFPI) tidak memberi kesan positif kepada pertumbuhan ekonomi dalam jangka panjang. Laureti dan Postiglione (2005) dalam kajian kesan aliran masuk modal terhadap pertumbuhan ekonomi bagi 11 buah negara Mediterranean bagi tempoh 1990 hingga tahun 2000 menunjukkan pelaburan langsung asing menjadi pembolehubah yang tidak signifikan dalam menjelaskan pertumbuhan ekonomi di negara-negara berkenaan.

## METODOLOGI

### Data

Kajian ini menggunakan data siri masa antara tahun 1980 – 2005 bagi negeri Sabah dan Sarawak. Data siri masa ini hanya melibatkan 26 tahun sahaja kerana terdapat kekangan tertentu. Pembolehubah bersandar dalam kajian ini adalah pertumbuhan ekonomi yang diukur dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar (1987=100). Pembolehubah bebas pula ialah pelaburan langsung asing (FDI), pelaburan domestik (DI), dan perbelanjaan pembangunan kerajaan (DEV) bagi negeri Sabah dan Sarawak. Data siri masa bagi KDNK diambil dari Unit Perancang Ekonomi (EPU) negeri dan Unit Perancang Ekonomi Negara (UPEN), Putrajaya. Data siri masa bagi FDI dan DI diambil dari Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA). Data perbelanjaan pembangunan kerajaan negeri diambil dari Laporan Kewangan Negeri. Perbelanjaan kerajaan negeri dapat dibahagikan perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan. Kajian ini hanya mengambil data perbelanjaan kerajaan negeri untuk tujuan pembangunan sahaja.

### Spesifikasi model

Kajian ini adalah untuk menentukan kewujudan hubungan jangka panjang antara ketiga-tiga pembolehubah bebas, iaitu pelaburan langsung asing, pelaburan domestik dan perbelanjaan pembangunan

kerajaan negeri terhadap pertumbuhan ekonomi bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak antara tahun 1980 - 2005. Analisis kointegrasi ini menggunakan pendekatan autoregrasi lat tertabur atau *autoregressive-distributed lag* (ARDL) yang diperkenalkan oleh Pesaran dan Pesaran (1997). Ujian kointegrasi ARDL ini tidak memerlukan kita melakukan pra-ujian bagi sifat-sifat kointegrasi data siri masa. Ini bermakna, analisis kointegrasi ARDL boleh dijalankan sama ada siri masa berkointegrasi dengan susunan pertama (*first order*),  $I(1)$  ataupun  $I(0)$ . Sebaliknya, hasil regresi ARDL adalah statistik ujian yang boleh membandingkan dengan dua nilai kritikal yang *asymptotic*. Ini juga bermaksud bahawa model ARDL membenarkan kita mengabaikan masalah punca unit (*unit root*) yang sering berlaku dalam analisis siri masa yang boleh menjadi masalah untuk menganggangkan analisis kointegrasi dan ujian sebab-penyebab (*Granger causality*).

Model ARDL yang dibentuk adalah berasaskan Persamaan (1) di bawah;

$$DGDP_t = \alpha_0 + \sum_{i=1}^m b_1 DGDP_{t-1} + \sum_{i=1}^m b_2 DFDI_{t-1} + \sum_{i=1}^m b_3 DDI_{t-1} + \sum_{i=1}^m b_4 DDEV_{t-1} + \delta_1 GDP_{t-1} + \delta_2 FDI_{t-1} + \delta_3 DI_{t-1} + \delta_4 DEV_{t-1} + \delta \mu_t \quad (1)$$

di mana, GDP, FDI, DI dan DEV adalah log bagi Keluaran Negeri Kasar (KDNK) benar, log bagi pelaburan langsung asing (FDI), log bagi pelaburan domestik (DI), dan log bagi perbelanjaan pembangunan kerajaan (DEV) masing-masing; DGDP, DFDI, DDI, dan DDEV adalah pembezaan pertama pembolehubah masing-masing.

Hipotesis nul dalam kes ini ialah ‘tidak wujud hubungan jangka panjang’ boleh ditulis seperti berikut;

$$H_0 : \delta_1 = \delta_2 = \delta_3 = \delta_4 = 0$$

melawan hipotesis alternatif

$$H_1 : \delta_1 \neq \delta_2 \neq \delta_3 \neq \delta_4 \neq 0$$

Model ko-integrasi ARDL bermula dengan ujian sempadan untuk menguji hipotesis nul bagi tiada kointegrasi. Pesaran, Shin, dan Smith (1996) telah menyediakan jadual nilai-nilai kritikal bagi ujian sempadan dan diterbitkan semula sebagai Jadual F dan W dalam Lampiran C dalam Pesaran dan Pesaran (1997). Jika ujian statistik- $F$  adalah lebih daripada sempadan atas, hipotesis nol bagi tiada ko-integrasi boleh ditolak tanpa mengambil kira pangkat bagi integrasi siri masa. Sebaliknya pula, jika ujian statistik terletak di bawah sempadan, hipotesis nol gagal ditolak. Akhirnya, jika nilai statistik terletak antara sempadan bawah dan sempadan atas, keputusan adalah tidak diketahui.

### Keputusan empirikal

Ujian sempadan bagi persamaan (1) untuk negeri Sabah dan Sarawak dapat ditunjukkan dalam Jadual 4 di bawah. Menggunakan nilai kritikal oleh Pesaran *et. al* (2001) didapati semua statistik ujian adalah signifikan pada aras keertian 5% dan 10% masing-masing. Ujian ini dapat menolak hipotesis iaitu tiada kointegrasi antara pembolehubah dikaji, tanpa mengira sama ada pembolehubah adalah  $I(1)$  ataupun  $I(0)$  atau campuran kedua-duanya. Keputusan ujian menunjukkan wujud keseimbangan jangka panjang yang sah di antara pembolehubah-pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar. Ini kerana nilai statistik ujian melebihi nilai kritikal sempadan atas.



**Jadual 4**  
**Ujian Sempadan untuk kewujudan hubungan jangka panjang**

<b>Negeri</b>	<b>Statistik-F</b>
Sabah	4.0863**
Sarawak	4.5983***

  

	NILAI KRITIKAL	
	BAWAH	ATAS
1% aras keertian	3.15	4.43
5% aras keertian	2.45	3.61
10% aras keertian	2.12	3.23

*Nota:* \*\* dan \*\*\* signifikan pada 5% dan 10% masing-masing.  
 Nilai kritikal sempadan diperolehi daripada Pesaranetal (2001).

Jadual 5 di bawah menunjukkan beberapa ujian diagnostik untuk menentukan keteguhan model ARDL bagi persamaan (1) yang dianggarkan. Ujian diagnosis ini terdiri daripada ujian korelasi bersiri, ujian kenormalan, ujian bagi kewujudan masalah heteroskedastisiti, dan ujian ralat spesifikasi bagi regresi. Hasil ujian diagnostik mendapati tidak wujud masalah korelasi bersiri, tiada masalah heteroskedastisiti, dan data bertaburan normal.

**Jadual 5**  
**Ujian Diagnostik untuk model ARDL**

	<b>Sabah</b>	<b>Sarawak</b>
Ujian LM	0.4663 (0.829)	0.9702 (0.325)
Jarque-Bera	0.5285 (0.768)	1.6000 (0.449)
Ujian Ramsey's RESET	0.6318 (0.424)	1.1336 (0.287)
ARCH	3.1215 (0.077)	3.6101 (0.057)

*Nota:*

Ujian Ramsey's RESET – merujuk kepada ujian regresi spesifikasi ralat (RESET – regression specification error test)

ARCH – merujuk kepada ujian heteroskedastisiti (Engle, 1982)

Jarque-Bera –merujuk kepada ujian taburan normal

Ujian LM – merujuk kepada ujian korelasi bersiri Breush-Godfrey (BG)

Ujian kestabilan parameter struktur dijalankan melalui statistik CUSUM dan CUSUMQ. Menurut Pesaran dan Pesaran (1997) ujian kestabilan bagi koefisien yang dianggarkan bagi model perlu dilakukan. Plot kedua-dua statistik CUSUM dan CUSUMQ terletak di dalam sempadan. Oleh itu, statistik ini mengesahkan wujud kestabilan jangka panjang bagi koefisien setiap pembolehubah dalam model ARDL.

**Jadual 6**  
**Anggaran koefisien jangka panjang menggunakan pendekatan ARDL**

Penganggar	Negeri	
	Sabah	Sarawak
Konstan	-0.3232 (0.113)	0.2895 (0.442)
ln <i>FDI</i>	0.2459 (0.513)	0.5213 (0.144)
ln <i>DI</i>	0.4742 (0.206)	0.9627 (0.140)
ln <i>DEV</i>	0.1667 (0.084)*	0.3739 (0.025)**

*Nota:* (\*\*) dan (\*) menunjukkan signifikan pada aras keertian 5% dan 10% masing-masing. Angka dalam ( ) merujuk kepada nilai - p (p-value).

Koefisien jangka panjang berdasarkan anggaran model ARDL bagi tempoh antara tahun 1980 – 2005 dapat ditunjukkan dalam Jadual 6 di atas. Keputusan analisis menunjukkan hanya perbelanjaan pembangunan kerajaan (*DEV*) secara statistik memberi kesan positif dan signifikan terhadap pertumbuhan KDNK benar bagi negeri Sabah dan Sarawak. Pertambahan 1% dalam perbelanjaan pembangunan kerajaan negeri membawa kepada peningkatan dalam KDNK benar sebanyak 0.17% dan 0.37% bagi negeri Sabah dan Sarawak masing-masing. Walau bagaimanapun pelaburan langsung asing (*FDI*) dan pelaburan domestik (*DI*) menunjukkan hubungan positif tetapi tak signifikan terhadap pertumbuhan KDNK benar bagi kedua-dua negeri.

**Jadual 7**  
**Model ECM bagi pilihan Model ARDL**

Penganggar	Negeri	
	Sabah	Sarawak
Konstan		
$\Delta \ln \text{GDP}_{t-1}$	0.010 (0.544)	0.069 (0.188)
$\Delta \ln \text{FDI}_{t-1}$	0.006 (0.814)	0.013 (0.464)
$\Delta \ln \text{DI}_{t-1}$	0.219 (0.165)	0.757 (0.129)
$\Delta \ln \text{DEV}_{t-1}$	0.694 (1.173)	0.0514 (0.254)
ECM (-1)	-1.327*** (0.000)	-1.355*** (0.000)
$R^2$	0.87	0.824
Stat.-F	10.922	6.7602
Stat. D-W	2.0201	2.1248

*Nota:* \*\*\* menunjukkan signifikan pada aras keertian 1%.  
 ( ) merujuk kepada nilai - p (p-value)

Model pembedulan ralat (ECM) dalam Jadual 7 menggabungkan maklumat jangka panjang dengan mekanisma penyesuaian (*adjustment mechanism*) jangka pendek. Berdasarkan ‘Granger representation theorem’ (Granger, 1986; Engle dan Granger, 1987) jika kedua-dua pembolehubah  $Y_t$  dan  $X_t$  adalah berkointegrasi, maka ini bermakna wujud hubungan jangka panjang antara kedua-duanya. Walau bagaimanapun, dalam jangka pendek kedua-dua pembolehubah ini mungkin dalam keadaan ketidakseimbangan. Dinamik bagi ketidakseimbangan hubungan jangka pendek antara kedua-dua pembolehubah ini dapat digambarkan oleh ‘model pembedulan ralat’ (ECM). Keputusan analisis ECM dalam Jadual 7 menunjukkan anggaran parameter pembedulan ralat dalam keadaan betul iaitu bertanda negatif serta secara signifikan pada aras keertian 1%. Pekali pembedulan ralat menunjukkan kelajuan pelarasan yang agak cepat ke arah keseimbangan selepas berlaku kejutan. Nilai ini menjelaskan bahawa 133% - 136% daripada jumlah ketidakseimbangan yang berlaku pada kejutan tahun lepas telah diperbetulkan kepada keseimbangan jangka panjang pada tahun semasa.

## RUMUSAN

Kajian lepas menunjukkan kedua-dua negeri iaitu Sarawak dan Sabah mempunyai nilai KDNK tertinggi berbanding negeri-negeri dalam kumpulan negeri kurang maju (Fauzi & Ku‘Adzam, 2008), malah negeri Sarawak adalah negeri yang mempunyai nilai KDNK ketiga tertinggi di Malaysia selepas negeri Selangor dan Johor. Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati pelaburan langsung asing dan pelaburan domestik bukanlah penyumbang utama kepada pertumbuhan KDNK bagi kedua-dua negeri berkenaan. Hanya perbelanjaan pembangunan kerajaan negeri menunjukkan hubungan positif dan signifikan dengan pertumbuhan ekonomi negeri Sabah dan Sarawak. Ini disebabkan tren FDI dan DI lebih tertumpu di negeri-negeri yang mempunyai sektor perkilangan atau pembuatan yang kebanyakannya terletak di negeri-negeri lebih maju.

## RUJUKAN

- Arin, K. P. (2003). *Fiscal policy investment, private investment and economic growth: Evidence from G-7 countries*. SSRN Working Paper Series. Rochester.
- Borensztein, E., Gregorio, J. D., & Lee, J.-W. (1998). "How does foreign direct investment affect economic growth?" *Journal of International Economics*, 45, 115-135.
- Chamhuri Siwar, & Surtahman Kastin Hasan. (2005). *Ekonomi Malaysia (5th ed.)*. Petaling Jaya: Longman.
- Diamond, J. (1990). Government expenditure and growth. *Finance & Development*, 27(4), 34-36.
- Drabble, J. H. (2000). *An economic history of Malaysia, 1800-1990: The transition to modern economic growth*. London: MacMillan Press Ltd.
- Durham, J. B. (2004). Absorptive capacity and the effects of foreign direct investment and equity foreign portfolio investment on economic growth. *European Economic Review*, 48, 285-306.
- Fan, X., & Dickie, P. M. (2000). The contribution of foreign direct investment to growth and stability: A post-crisis ASEAN-5 review. *ASEAN Economic Bulletin*, 13(3), 312-323.
- Fauzi Hussin & Ku ‘Adzam Tuan Lonik (2008). “*Impak pelaburan dan Perbelanjaan Kerajaan Terhadap Pertumbuhan Ekonomi Negeri-negeri Kurang Maju 1980-2005*” Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia: Daya Tahan Ekonomi Negara: Dasar dan Strategi Pengukuhan: ISBN 978-983-3198-21-4

- Fleisher, B., & Chen, J. (1997). The coast-noncoast income gap, productivity, and regional economic policy in China. *Journal of Comparative Economics*, 25(2), 220-236.
- Fu, X. (2004). Limited linkages from growth engines and regional disparities in China. *Journal of Comparative Economics*, 32, 148-164.
- Ghali, K. H. (1997). Government spending and economic growth in Saudi Arabia. *Journal of Economic Development*, 22(2), 165-172.
- Hasnah Ali. (1989). Masalah ketidakseimbangan ekonomi wilayah. In Nik Hashim Mustafa & Zulkifli Osman (Eds.), *Dasar Ekonomi Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jomo, K. S., & Kiong, W. H. (2001). *The impact of foreign capital inflows on the Malaysian economy: FEA Working Paper No. 2001-02*.
- Lin, S. A. (1994). Government spending and economic growth. *Applied Economics* 26(1), 83-94.
- Lin, S., & Song, S. (2002). Urban economic growth in China: Theory and evidence. *Urban Studies*, 39(12), 2251-2266.
- Malaysia. (2006). *Rancangan Malaysia Kesembilan*. Kuala Lumpur: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.
- Mohamed Ariff. (1991). *The Malaysian economy: Pacific connections*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Morley, B., & Perdikis, N. (2000). Trade liberalisation, government expenditure and economic growth in Egypt. *The Journal of Development Studies*, 36(4), 38-54.
- Okposin, S. B., Abdul Halim Abdul Hamid, & Boon, O. H. (2003). *Perubahan fasa ekonomi Malaysia* (Onn Mohd Jadi & Zaleha Abu Bakar, Trans.). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Pesaran, M.H., & Pesaran, B. (1997). *Working with Microfit 4.0. Interactive Econometric Analysis*. Oxford: Oxford University Press.
- Pesaran, M. H., Shin, Y., & Smith, R.J. (2001). "Bounds Testing Approaches to the Analysis of Level Relationships." *Journal of Applied Econometrics*, 16(3): 289-326.
- Pesaran, M. H., dan Shin, Y. (1995), "An Autoregressive Distributed Lag Modelling Approach to Cointegration Analysis," *DAE Working Paper No. 9514*, Department of Applied Economics (Cambridge: Cambridge University).
- Sarawak. (Mac 2007). *Buletin Perangkaan Bulanan*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Senjur, M. (1996). Public expenditure rate and economic growth. *International Journal of Social Economics*, 23(10/11), 236-246.
- United Nations Conference on Trade and Development (UNCTD). (1992). *World Investment Report 1992*. New York and Geneva: United Nations.
- Zairon Othman. (1996). *Ekonomi Malaysia*. Shah Alam: BIROTEKS Institut Teknologi Mara.